




# **Siri Buku Amalan Harian**

**SIRI 3**

## **TAHLIL DAN DOA ARWAH**

**AMALAN WARID DARIPADA AL-QURAN DAN SUNAH**



Kamarul Azmi Jasmi



# **SIRI BUKU AMALAN HARIAN**

**Siri 3**

## **TAHLIL DAN DOA ARWAH** **Amalan Warid daripada al-Quran dan Sunah**

Kamarul Azmi Jasmi

Edisi Pertama 2020  
©KAMARUL AZMI JASMI 2020

Hak cipta terbuka. Dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain dengan memberi kredit rujukan kepada penulis dan Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Kamarul Azmi Jasmi, 1973-

Tahlil dan Doa Arwah : Amalan Warid daripada al-Quran dan Sunah /  
Kamarul Azmi Jasmi.

(SIRI BUKU AMALAN HARIAN ; Siri 3)

ISBN 978-967-2296-56-0

1. Islam--Prayers and devotions.
2. Islam--Islam.
3. Islamic meditations.
4. Islam--Customs and practices.
5. Government publications-Malaysia.

I. Judul. II. Siri.

297.3824

Kulit dan Pengatur huruf oleh / *Typeset by*

KAMARUL AZMI JASMI  
Fakulti Tamadun Islam  
UTM, Johor Bahru

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

T07,AKADEMI TAMADUN ISLAM  
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA,  
81310 UTM Johor Bahru,  
Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

# KANDUNGAN

Prakata	v
<b>1 Senarai Bacaan Tahlil</b>	<b>1</b>
Pengenalan	1
<b>Senarai Bacaan Tahlil dan Doa Arwah</b>	<b>1</b>
TDA1 Kenyataan Sedekah dan Tahlil untuk Umum	1
TDA2 Kenyataan Sedekah dan Tahlil untuk Si Mati yang Khusus	2
TDA3 Surah <i>al-Fatihah</i> (1: 1-7)	2
TDA4 Surah al-Ikhlās (112: 1-4)	3
TDA5 Surah al-Falaq (113: 1-5)	4
TDA6 Surah al-Nas (114: 1-6)	5
TDA7 Surah <i>al-Fatihah</i> (1: 1-7)	6
TDA8 Surah <i>al-Baqarah</i> (2: 1-5)	6
TDA9 Surah <i>al-Baqarah</i> (2: 163)	7
TDA10 Surah <i>al-Baqarah</i> (2: 255)	7
TDA11 Surah <i>al-Baqarah</i> (2: 284-286)	8
TDA12 Seruan Nama Allah SWT dan Doa Rahmat	10
TDA13 Doa Penutup bagi Doa Rahmat	10
TDA14 Surah <i>al-Ahzab</i> (33: 33)	11
TDA15 Surah <i>al-Ahzab</i> (33: 56)	11
TDA16 Salawat ke atas Nabi yang Pertama	11
TDA17 Salawat ke atas Nabi yang Kedua	12
TDA18 Salawat ke atas Nabi yang Ketiga	12
TDA19 Penutup Salawat	13
TDA20 Beristigfar dan Bertahlil	13
TDA21 Bertahlil	13
TDA22 Tasbih	14

TDA23 Salawat Ringkas	14
TDA24 Doa Tahlil	15
Rumusan	18
<b>2 Keutamaan Bacaan Tahlil dan Doa serta Bersedekah untuk Orang yang Meninggal Dunia</b>	<b>19</b>
Pengenalan	19
Hujah Bersedekah Amalan dan Doa kepada Orang yang Meninggal Dunia	19
Dalil al-Quran	19
Dalil Hadis	20
Dalil Ijmak	25
Dalil Qiyas	26
Galakan Pujian dan Doa kepada Allah dengan Nama-Nya	26
Galakan Membaca Surah dan Potongan Ayat al-Quran	30
Galakan Berselawat kepada Nabi Muhammad SAW	33
Galakan Beristigfar	37
Kelebihan Tahlil	38
Kelebihan Tasbih	39
Rumusan	40
Rujukan	42
Indeks	44
Biodata	46

## PRAKATA



Segala puji bagi Allah SWT dan selawat dan salam ke atas junjungan Rasululllah SAW, ahli keluarga baginda, dan para sahabatnya.

Penulis mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana memberikan kekuatan kepada penulis untuk berkongsi pengetahuan daripada pengkajian tentang amalan tahlil dan doa arwah yang digali daripada al-Quran dan hadis Rasululllah SAW.

Tulisan dalam buku ini akan menfokuskan tentang perbincangan tentang tahlil dan doa serta amalan tahlil dan doa arwah tersebut seperti yang diamalkan oleh umat Islam di Malaysia.

Semua terjemahan al-Quran yang digunakan dalam buku ini menggunakan terjemahan tafsir Ustaz Abdullah Basmeih (1999) yang diterbitkan oleh Jabatan Perdana Menteri dengan sedikit pengeditan daripada segi bahasa yang lebih terkini.

Manakala segala penggunaan hadis dalam perbincangan tentang buku ini akan ditakhrijkan terlebih dahulu sebagaimana kaedah takhrij yang diketengahkan oleh Imam al-Nawawi (1983, 1998) dan pengkaji hanya akan memilih hadis yang pernah dibukukan oleh mana-mana imam hadis sebagai sebahagian daripada huraian dan isi buku ini.

Harapan penulis dengan tulisan ini dimanfaatkan oleh umat Islam dalam memperkukuhkan amalan kerohanian setiap kali selepas solat agar mereka sentiasa dalam kerahmatan, kesolehan dan perlindungan Allah SWT.

**Prof. Madya Dr. Kamarul Azmi Jasmi**

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Teknologi Malaysia

2020





# 1

## SENARAI BACAAN TAHLIL

### PENGENALAN

Bacaan tahlil dan doa arwah (TDA) merupakan satu set amalan untuk umat Islam beramal bagi disedekahkan pahala bacaan tersebut kepada roh orang yang sudah meninggal dunia. Sedekah boleh diberikan untuk semua roh orang yang sudah meninggal dunia atau dikhususkan nama mereka ketika dimulakan bacaan dan ketika berdoa. Set TDA ini terdiri daripada bacaan surah dan ayat al-Quran, zikir, salawat, istighfar, tahlil, tasbih, dan doa.

Bab ini akan mengupas senarai bacaan tersebut untuk dijadikan pedoman dan panduan buat umat Islam amalkan.

### SENARAI BACAAN TAHLIL DAN DOA ARWAH

Terdapat 24 jenis bacaan tahlil dan doa yang dibentangkan bersama dengan terjemahan.

#### TDA1 Kenyataan Sedekah dan Tahlil untuk Umum

إِلَىٰ حَضْرَةِ سَيِّدِنَا وَحَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.  
وَإِلَىٰ أَرْوَاحِ آبَائِهِ وَإِخْوَانِهِ مِنَ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ. صَلَوَاتُ

اللَّهُ وَسَلَامُهُ عَلَيْهِ وَعَلَيْهِمْ أَجْمَعِينَ. وَعَلَىٰ ءَالَ كُلِّ وَالصَّحَابَةِ  
وَالْقَرَابَةِ وَالتَّابِعِينَ، وَتَابِعِ التَّابِعِينَ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.  
وإِلَىٰ أَرْوَاحِ وَالِدَيْنَا وَمُعَلِّمِينَا وَذَوِي الْحُقُوقِ عَلَيْنَا أَجْمَعِينَ.

Maksud: *Bacaan ditujukan kepada Hadrat penghulu, kekasih, dan pemberi syafaat kami, iaitu Nabi Muhammad SAW. Juga kepada roh bapa dan saudara dalam kalangan para Nabi dan Rasul. Allah menselawati dan memberikan keselamatan ke atas Baginda SAW dan para Nabi dan Rasul semuanya. Juga ahli keluarga semuanya dan para sahabat, kerabatnya dan para tabiin, dan tabi tabiin yang mengikut mereka semua hingga ke hari kiamat. Juga bacaan ditujukan kepada roh bapa dan guru kami serta orang yang berhak dalam kalangan kami semua.*

### TDA2 Kenyataan Sedekah dan Tahlil untuk Si Mati yang Khusus

وْخُصُوصًا إِلَى الْمَرْحُومِ \_\_\_\_\_ بن \_\_\_\_\_  
الْمَرْحُومَةِ \_\_\_\_\_ بنت \_\_\_\_\_ . الْفَاتِحَةُ.

Maksud: *Dikhususkan bacaan kepada al-Marhum \_\_\_\_\_  
bin \_\_\_\_\_ / al-Marhumah \_\_\_\_\_ binti \_\_\_\_\_. Al-Fatihah.*  
(Boleh dipilih sama ada arwah lelaki atau perempuan)

### TDA3 Surah *al-Fatihah* (1: 1-7)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٢﴾  
الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿٣﴾ مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ﴿٤﴾ إِيَّاكَ نَعْبُدُ

وَأَيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾ أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾ صِرَاطَ  
الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ﴿٧﴾

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. (1) Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. (2) Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. (3) Yang Menguasai pemerintahan hari Pembalasan (hari Akhirat). (4) Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang Kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan. (5) Tunjukilah kami jalan yang lurus. (6) Iaitu jalan orang yang Engkau kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang yang Engkau murkai, dan bukan pula (jalan) orang yang sesat. (7)

(Surah al-Fatihah, 2: 1-7)

#### TDA4 Surah al-Ikhlash (112: 1-4)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾ اللَّهُ الصَّمَدُ  
﴿٢﴾ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ﴿٣﴾ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ﴿٤﴾ ﴿3X﴾.

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Katakanlah (wahai Muhammad), "(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa; (1) "Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; (2) "Ia tiada beranak, dan Ia pula tidak diperanakkan; (3) "Dan tidak ada sesiapaupun yang serupa dengan-Nya." (4)(3X)

(Surah al-Ikhlash, 112: 1-4)

Surah ini ditutup dengan tahlil dan takbir berikut:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ

Maksud: *Tiada tuhan yang layak disembah melainkan Allah*

#### TDA5 Surah *al-Falaq* (113: 1-5)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾ قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ ﴿٢﴾ مِنْ شَرِّ مَا  
خَلَقَ ﴿٣﴾ وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ ﴿٤﴾ وَمِنْ شَرِّ  
النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ ﴿٥﴾ وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ﴿٥﴾

Maksud: *Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Katakanlah (wahai Muhammad), “Aku berlindung kepada (Allah) Tuhan yang menciptakan sekalian makhluk, (1) dari bencana makhluk yang Ia ciptakan; (2) dan dari bahaya gelap apabila ia masuk; (3) dan dari kejahatan makhluk yang menghembus-bembus pada simpulan (dan ikatan); (4) dan dari kejahatan orang yang dengki apabila ia melakukan dengki.” (5)*

(Surah *al-Falaq*, 113: 1-5)

Surah ini ditutup dengan tahlil dan takbir berikut:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ

Maksud: *Tiada tuhan yang layak disembah melainkan Allah*

### TDA6 Surah al-Nas (114: 1-6)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۞ قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ۞ (1) مَلِكِ  
 النَّاسِ ۞ (2) إِلَهِ النَّاسِ ۞ (3) مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ  
 الْخَنَّاسِ ۞ (4) الَّذِي يُوَسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ  
 ۞ (5) مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ ۞ (6)

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Katakanlah (wahai Muhammad), “Aku berlindung kepada (Allah) Pemulihara sekalian manusia. (1) Yang Menguasai sekalian manusia, (2) Tuhan yang berhak disembah oleh sekalian manusia, (3) dari kejahatan pembisik penghasut yang timbul tenggelam, (4) Yang melemparkan bisikan dan hasutannya ke dalam hati manusia, (5) (iaitu pembisik dan penghasut) dari kalangan jin dan manusia.” (6)

(Surah al-Nas, 114: 1-6)

Surah ini ditutup dengan tahlil dan takbir berikut:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ

Maksud: Tiada tuhan yang layak disembah melainkan Allah

### TDA7 Surah *al-Fatihah* (1: 1-7)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ① الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ②  
 الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ③ مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ④ إِيَّاكَ نَعْبُدُ  
 وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ⑤ أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ⑥ صِرَاطَ  
 الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ⑦

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. (1) Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. (2) Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. (3) Yang Menguasai pemerintahan hari Pembalasan (hari Akhirat). (4) Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang Kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan. (5) Tunjukilah kami jalan yang lurus. (6) Iaitu jalan orang yang Engkau kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang yang Engkau murkai, dan bukan pula (jalan) orang yang sesat. (7)

(Surah *al-Fatihah*, 2: 1-7)

### TDA8 Surah *al-Baqarah* (2: 1-5)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ① الْم ② ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى  
 لِلْمُتَّقِينَ ③ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ  
 يُنْفِقُونَ ④ وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنزِلَ مِنْ قَبْلِكَ وَبِالْآخِرَةِ  
 هُمْ يُوقِنُونَ ⑤ أُولَئِكَ عَلَى هُدًى مِنْ رَبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ⑥

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Alif Lam, Mim. (1) Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang yang (hendak) bertaqwa; (2) Iaitu orang yang beriman kepada perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) solat serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka. (3) Dan juga orang yang beriman kepada Kitab 'al-Quran' yang diturunkan kepadamu (Wahai Muhammad), dan Kitab yang diturunkan dahulu daripadamu, serta mereka yakin akan (adanya) hari akhirat (dengan sepenuhnya). (4) Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan merekalah orang yang berjaya. (5)

(Surah al-Baqarah,2: 1-5)

### TDA9 Surah al-Baqarah (2: 163)

وَالْهَكْمُ لِلَّهِ وَاحِدٌ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ﴿١٦٣﴾

Maksud: Dan Tuhan kamu ialah Tuhan yang Maha Esa; tiada Tuhan (Yang berhak disembah) selain dari Allah, yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. (163)

(Surah al-Baqarah,2: 163)

### TDA10 Surah al-Baqarah (2: 255)

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ

يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا  
 بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ  
 الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

Maksud: Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhluk-Nya). Yang tidak mengantuk usahkan tidur. Yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat (pertolongan) di sisi-Nya melainkan dengan izin-Nya. yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya). Luasnya Kursi Allah (ilmu dan kekuasaan-Nya) meliputi langit dan bumi; dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara keduanya. Dan Dia lah Yang Maha Tinggi (darjat kemuliaan-Nya), lagi Maha Besar (kekuasaan-Nya) (255)

(Surah al-Baqarah, 2: 255)

### TDA11 Surah al-Baqarah (2: 284-286)

لِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ <sup>قُلْ</sup> وَإِنْ تَبَدُّوا مَا فِي  
 أَنْفُسِكُمْ أَوْ تُخْفُوهُ يُحَاسِبْكُمْ بِهِ اللَّهُ <sup>قُلْ</sup> فَيَغْفِرْ لِمَنْ  
 يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٨٤﴾



ءَامِنَ الرَّسُولُ بِمَا أَنْزَلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ ۚ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلُّ  
 ءَامِنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ ۚ لَا نَفَرِقُ  
 بَيْنَ أَحَدٍ مِّنْ رُّسُلِهِ ۚ وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ۚ غُفْرَانَكَ رَبَّنَا  
 وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ ﴿٢٨٥﴾ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا  
 كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا  
 أَوْ أَخْطَأْنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ  
 عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا  
 بِهِ ۚ وَاعْفُ عَنَّا وَارْحَمْنَا ۚ أَنْتَ مَوْلَانَا  
 فَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿٢٨٦﴾

Maksud: Segala yang ada di langit dan yang ada di bumi adalah kepunyaan Allah. Dan jika kamu melahirkan apa yang ada di dalam hati kamu atau kamu menyembunyikannya, nescaya Allah akan menghitung dan menyatakannya kepada kamu. Kemudian Ia mengampunkan bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan menyiksa sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya) Dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. (284) Rasulullah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, dan juga orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, dan Malaikat-Nya, dan Kitab-Nya, dan Rasul-Nya. (Mereka berkata), "Kami tidak

*membedakan antara seorang dengan yang lain Rasul-rasulnya". Mereka berkata lagi: Kami dengar dan kami taat (kami pohonkan) keampunan-Mu wahai Tuhan kami, dan kepada-Mu jualah tempat kembali." (285) Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya. (Mereka berdoa dengan berkata): "Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau bebaskan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang Engkau bebaskan kepada orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. Dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami; oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum yang kafir". (286)*

(Surah *al-Baqarah*,2: 284-286)

### **TDA12 Seruan Nama Allah SWT dan Doa Rahmat**

يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ، اَرْحَمْنَا. ﴿3X﴾.

Maksud: *Wahai Tuhan Yang Maha Pengasih dan Penyayang, kasihanilah kami. (3X).*

### **TDA13 Doa Penutup bagi Doa Rahmat**

وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ عَلَيْكُمْ أَهْلَ الْبَيْتِ ۖ إِنَّهُ حَمِيدٌ مَّجِيدٌ ۝

Maksud: *Rahmat Allah dan keberkatan-Nya ke atas kamu, ahli keluarga Rasulullah. Sesungguhnya Allah Maha Terpuji lagi Maha Pemurah.*

**TDA14 Surah *al-Ahzab* (33: 33)**

إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ الرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ  
وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا ﴿٣٣﴾

Maksud: *Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghilangkan dosa dari kamu, wahai ahli bait dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya.*

(Surah *al-Ahzab*, 33: 33)

**TDA15 Surah *al-Ahzab* (33: 56)**

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ  
ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

Maksud: *Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya mengucapkan selawat ke atas Nabi. Wahai orang yang beriman ucapkan selawat dan salam yang selayaknye ke atas baginda.*

(Surah *al-Ahzab*, 33: 56)

**TDA16 Salawat ke atas Nabi yang Pertama**

اللَّهُمَّ صَلِّ أَفْضَلَ صَلَاةٍ عَلَى أَسْعَدِ مَخْلُوقَاتِكَ حَبِيبِ اللَّهِ سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ عَدَدَ مَعْلُومَاتِكَ وَمِدَادَ  
كَلِمَاتِكَ كُلَّمَا ذَكَرَكَ الذَّاكِرُونَ وَعَقَلَ عَن ذِكْرِكَ الْغَافِلُونَ.

Maksud: *Ya Allah, kami pohon setinggi-tinggi selawat dan salam ke atas semulia-mulia makhluk-Mu, iaitu kekasih Allah, penghulu kami Nabi Muhammad dan ke atas keluarganya dan sahabatnya akan beberapa maklumat dan kalimat, apabila para pengingat menyebut-Mu, dan pelupa pula melupai-Mu.*

### **TDA17 Salawat ke atas Nabi yang Kedua**

اللَّهُمَّ صَلِّ أَفْضَلَ صَلَاةٍ عَلَى أَسْعَدِ مَخْلُوقَاتِكَ شَمْسِ الصُّحَى  
 سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ عَدَدَ مَعْلُومَاتِكَ وَمِدَادَ  
 كَلِمَاتِكَ كُلَّمَا ذَكَرَكَ الذَّاكِرُونَ وَعَقَلَ عَنِ ذِكْرِكَ الْعَافِلُونَ.

Maksud: *Ya Allah, kami pohon setinggi-tinggi selawat dan salam ke atas makhluk-Mu, iaitu cahaya pagi, penghulu kami Nabi Muhammad dan ke atas keluarganya dan sahabatnya akan beberapa maklumat dan kalimat, apabila para pengingat menyebut-Mu, dan pelupa pula melupai-Mu.*

### **TDA18 Salawat ke atas Nabi yang Ketiga**

اللَّهُمَّ صَلِّ أَفْضَلَ صَلَاةٍ عَلَى أَسْعَدِ مَخْلُوقَاتِكَ بَدْرِ الدُّجَى  
 سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ عَدَدَ مَعْلُومَاتِكَ وَمِدَادَ  
 كَلِمَاتِكَ كُلَّمَا ذَكَرَكَ الذَّاكِرُونَ وَعَقَلَ عَنِ ذِكْرِكَ الْعَافِلُونَ.

Maksud: *Ya Allah, kami pohon setinggi-tinggi selawat dan salam ke atas semulia-mulia makhluk-Mu, iaitu bulan purnama, penghulu kami Nabi Muhammad dan ke atas keluarganya dan sahabatnya akan beberapa maklumat dan kalimat, apabila para pengingat menyebut-Mu, dan pelupa pula melupai-Mu .*

### TDA19 Penutup Salawat

وَسَلِّمْ وَرَضِيَ اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى عَنْ سَادَاتِنَا أَصْحَابِ رَسُولِ  
اللَّهِ أَجْمَعِينَ. وَحَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا  
بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ.

Maksud: *Dan Allah SWT meredai pemimpin kami dan sahabat Rasul semuanya. Dan cukuplah Allah menjadi penolong kami dan Allah adalah sebaik-baik pelindung dan tidak ada upaya melainkan Allah yang Maha Tinggi dan Maha Besar.*

### TDA20 Beristigfar dan Bertahlil

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ. ﴿3X﴾.

Maksud: *Aku memohon keampunan dari Allah yang Maha Besar Kekuasaan-Nya (3X).*

### TDA21 Bertahlil

أَفْضَلُ الذِّكْرِ فَاغْلَمْ أَنَّهُ:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ - حَيِّ بَاقٍ

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ - حَيِّ مَوْجُودٌ

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ - حَيِّ مَقْصُودٌ

﴿100 X / 70 X / 33X﴾. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ - لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ - مُحَمَّدٌ رَسُوْلُ اللَّهِ  
 لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ - مُحَمَّدٌ حَبِيبُ اللَّهِ

Maksud: *Sebaik-baik zikir maka ketabuilah sesungguhnya ia adalah:*

- Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah - Yang hidup,  
Yang kekal.*
- Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah - Yang hidup,  
Yang sebenar-benar wujud)*
- Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah - Yang hidup,  
Yang dihajati*
- Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah (33X/70X/100X)*
- Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah  
Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah*
- Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah  
Muhammad itu pesuruh Allah.*
- Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah  
Muhammad itu kekasih Allah.*

### TDA22 Tasbih

سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ. ﴿33X﴾  
 سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ

Maksud: *Maha Suci Allah dengan Segala Kepujiannya (33X). Maha Suci Allah dengan Segala Kepujiannya. Maha Suci Allah Yang Maha Agung.*

### TDA23 Salawat Ringkas

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى حَبِيْبِكَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ.

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى حَبِيْبِكَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ وَبَارِكْ وَسَلِّمْ.  
 اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى حَبِيْبِكَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ وَبَارِكْ  
 وَسَلِّمْ اَجْمَعِيْنَ. الفاتحة.

Maksud: *Ya Allah aku pohon selawat dan salam ke atas kekasih-Mu Penghulu kami Nabi Muhammad SAW dan ke atas ahli keluarganya dan sahabatnya. Ya Allah aku pohon selawat, salam, dan keberkatan ke atas kekasih-Mu Penghulu kami Nabi Muhammad SAW dan ke atas ahli keluarganya dan sahabatnya. Ya Allah aku pohon selawat, salam, dan keberkatan ke atas kekasih-Mu Penghulu kami Nabi Muhammad SAW dan ke atas ahli keluarganya dan sahabatnya. Al-Fatihah.*

#### TDA24 Doa Tahlil

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰلَمِيْنَ. حَمْدَ الشّٰكِرِيْنَ،  
 حَمْدَ التّٰعَمِيْنَ، حَمْدًا يُّوٰفِي نِعَمَهٗ وَيُكَافِئُ مَزِيْدَهٗ، يَا رَبَّنَا لَكَ  
 الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِيْ لَجَلَالِ وَجْهِكَ وَعَظِيْمِ سُلْطٰنِكَ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ  
 وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

Maksud: *Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah Penguasa Alam Semesta, sebagaimana orang yang bersyukur dan orang yang mendapat banyak kenikmatan memujinya dengan pujian yang sepadan dan nikmat-Nya dan memungkinkan pertambahannya. Wahai Tuhan kami, pujian hanyalah untuk-Mu, sebagaimana yang layak akan kemuliaan Zat-Mu dan keagungan*

*kekuasaan-Mu. Ya Allah, limpahkanlah kesejahteraan dan keselamatan kepada Nabi Muhammad junjungan kami dan kepada keluarga baginda.*

اللَّهُمَّ تَقَبَّلْ وَأَوْصِلْ ثَوَابَ مَا قَرَأْتَاهُ مِنَ الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ. وَمَا  
 هَلَلْنَا وَمَا سَبَّحْنَا وَمَا اسْتَعْفَرْنَا وَمَا صَلَّيْنَا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
 صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، هَدِيَّةً وَاصِلَةً، وَرَحْمَةً نَازِلَةً، وَبِرَكَّةٍ شَامِلَةً،  
 إِلَى حَضْرَةِ حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا وَقُرَّةِ أَعْيُنِنَا سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ  
 ﷺ، وَإِلَى جَمِيعِ إِخْوَانِهِ مِنَ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَالْأَوْلِيَاءِ وَالشُّهَدَاءِ  
 وَالصَّالِحِينَ وَالصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ وَالْعُلَمَاءِ الْعَالَمِينَ وَالْمُصَنِّفِينَ  
 الْمُخْلِصِينَ وَجَمِيعِ الْمُجَاهِدِينَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ  
 وَالْمَلَائِكَةِ الْمُقَرَّبِينَ.

Maksud: Ya Allah, terimalah dan sampaikanlah pahala al-Quran yang kami baca, tahlil kami, tasbih kami, istighfar kami dan salawat kami kepada Nabi Muhammad SAW sebagai hadiah yang menjadi penyambung, sebagai rahmat yang turun dan sebagai berkah yang menyebar kepada kekasih kami, penolong kami dan buah hati kami, pemuka dan pemimpin kami, iaitu Nabi Muhammad SAW, juga kepada seluruh sahabat baginda dalam kalangan para Nabi dan Rasul, para wali, para syuhada, orang soleh, para sahabat, para tabiin, para ulama yang mengamalkan ilmunya, para pengarang yang ikhlas dan orang yang berjihad di jalan Allah Tuhan semesta alam, serta para malaikat yang selalu beribadah.



ثُمَّ إِلَى جَمِيعِ أَهْلِ الْقُبُورِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ مِنْ مَشَارِقِ الْأَرْضِ إِلَى مَغَارِبِهَا بَرِّهَا وَبَحْرِهَا.  
خُصُوصًا إِلَى (فُلَانِ بْنِ فُلَانٍ) وَأَبَائِنَا وَأُمَّهَاتِنَا وَأَجْدَادِنَا وَجَدَّاتِنَا  
وَنَحْوِ خُصُوصًا مَنِ اجْتَمَعْنَا هُنَا بِسَبَبِهِمْ وَلَا جَلِيبَهُمْ.

Maksud: Kemudian kepada seluruh penghuni kubur dalam kalangan orang Islam lelaki dan perempuan, orang Mukmin lelaki dan perempuan, dari belahan bumi Timur dan Barat, di laut dan di darat, terutama kepada (Fulan bin Fulan), dan ibu bapa kami, datuk dan nenek kami, lebih utamakan lagi kepada orang yang menyebabkan kami berkumpul di sini.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْمَغْفِرَةَ عَلَى أَهْلِ الْقُبُورِ مِنْ أَهْلِ لآلِئِهِ  
إِلَّا اللَّهَ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ. اللَّهُمَّ أَرِنَا الْحَقَّ حَقًّا وَارْزُقْنَا  
اتِّبَاعَهُ وَارْزُقْنَا الْبَاطِلَ بَاطِلًا وَارْزُقْنَا اجْتِنَابَهُ.

Maksud: Ya Allah, turunkanlah rahmat dan ampunan kepada ahli kubur yang selalu mengucapkan 'Laailaaha illallaah Muhammadur rasulullaah' (Tidak ada Tuhan yang selayaknya disembah melainkan Allah, Muhammad adalah utusan Allah). Ya Allah, tunjukkanlah kepada kami kebenaran adalah suatu kebenaran dan anugerahilah kami untuk mengikutinya dan tunjukkanlah kepada kami kebatilan adalah suatu kebatilan dan anugerahilah kami untuk menjauhinya.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
 سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ  
 وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

*Maksud: Masa suci Tuhanmu, Tuham pemilik kemuliaan, dari sifat yang mereka (musuh-Nya) berikan. Keselamatan selalu tertuju kepada Rasul, dan segala puji bagi Allah penguasa alam semesta.*

Ringkasnya, amalan tahlil dan doa ini pada hakikatnya merupakan amalan yang disunatkan untuk dibaca dan bacaannya pula merupakan bacaan yang warid daripada al-Quran dan hadis. Sekalipun pada asalnya adalah untuk bacaan individu tanpa waktu yang khusus. Namun, mengamalkan secara berjemaah untuk disedekahkan kepada umat Islam yang dikhususkan atau yang umum merupakan amalan yang baik sebagai satu proses didikan kepada anak-anak agar mereka juga akan mengingati ibu bapa mereka dengan doa dan sedekah berbentuk amalan tahlil dan doa arwah apabila ibu bapa mereka pula sudah pergi.

## RUMUSAN

Bab ini berjaya membentangkan keseluruhan amalan tahlil dan doa arwah, iaitu yang terdiri daripada 24 jenis bacaan yang terkandung dalamnya bacaan surah dan ayat al-Quran, istighfar, tahlil, tasbih, dan salawat.

Perbincangan bab yang berikutnya akan menfokuskan perbincangan tentang amalan ini dalam Islam yang bersumberkan al-Quran dan hadis. Amalan ini pada hakikatnya digalakkan untuk dibaca oleh individu Muslim khususnya anak buat ibu bapanya yang sudah meninggal dunia.

# 2

## **KEUTAMAAN BACAAN TAHLIL DAN DOA SERTA BERSEDEKAH UNTUK ORANG YANG MENINGGAL DUNIA**

### **PENGENALAN**

Bab ini akan mengupas secara mendalam bahawa bacaan tahlil dan doa arwah (TDA) dalam Islam boleh disedekahkan kepada orang yang sudah meninggal dunia.

Selain itu, bab ini akan mengupas tuntutan, ganjaran, dan kelebihan amalan yang terkandung dalam TDA. Hal ini bagi melambangkan bahawa bacaan dalam TDA bukan sesuatu amalan yang sia-sia. Amalan ini bukan sahaja baik untuk diamalkan oleh individu Muslim untuk dirinya sendiri, bahkan sangat memberi manfaat pahala dan ganjaran jika disedekahkan kepada orang sudah meninggal dunia.

### **HUJAH BERSEDEKAH AMALAN DAN DOA KEPADA ORANG YANG MENINGGAL DUNIA**

Doa dan ibadah sama ada ibadah maliyyah mahupun badaniyyah boleh memberi manfaat kepada si mati jika disedekahkan oleh seseorang berdasarkan dalil daripada al-Quran, hadis, ijmak. dan qias.

#### **Dalil al-Quran**

Terdapat ayat al-Quran yang menjelaskan tentang orang yang terpuji yang antaranya ialah orang yang mendoakan keampunan kepada orang beriman yang meninggal dunia. Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ جَاءُوا مِنْ بَعْدِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا  
الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ  
آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ ﴿١٠﴾

Maksud: *Dan orang (Islam) yang datang kemudian daripada mereka (berdoa dengan) berkata, "Wahai Tuhan Kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara kami yang mendahului kami dalam iman, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Amat Melimpah Belas kasihan dan RahmatMu.*

(Surah *al-Hashr*, 59: 10)

Dalam ayat ini Allah SWT menyanjung orang yang beriman kerana mereka turut memohon ampun untuk orang beriman sebelum mereka. Ini menunjukkan bahawa orang yang meninggal dapat manfaat dari istighfar orang yang masih hidup.

### Dalil Hadis

Terdapat banyak dalil daripada hadis yang menyuruh orang yang hidup agar mendedahkan pahala kepada orang yang meninggal dunia. Pahala tersebut pula boleh sampai kepada si mati dengan dalil yang jelas.

Suruhan berdoa kepada arwah disebutkan dalam banyak hadis. Antaranya suruhan berdoa ketika solat jenazah, doa setelah arwah dikuburkan dan doa ketika menziarahi kubur. Tentang suruhan doa solat jenazah ada dijelaskan dalam sepotong hadis berikut (Muslim, t.th.: 963):

عَنْ عَوْفِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: «سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى جَنَازَةٍ فَحَفِظْتُ مِنْ دُعَائِهِ وَهُوَ يَقُولُ: «اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ وَعَافِهِ وَاعْفُ عَنْهُ وَأَكْرِمْ نُزُلَهُ وَوَسِّعْ مَدْخَلَهُ وَاعْسِلْهُ بِالْمَاءِ وَالتَّلْجِ وَالْبَرَدِ وَنَقِّهِ مِنَ الْخَطَايَا كَمَا نَقَّيْتَ الثَّوْبَ الْأَبْيَضَ مِنَ الدَّنَسِ وَأَبْدِلْهُ دَارًا خَيْرًا مِنْ دَارِهِ وَأَهْلًا خَيْرًا مِنْ أَهْلِهِ وَزَوْجًا خَيْرًا مِنْ زَوْجِهِ وَأَدْخِلْهُ الْجَنَّةَ وَأَعِذْهُ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ أَوْ مِنْ عَذَابِ النَّارِ.»

Maksud: 'Auf bin Malik RA berkata, "Saya mendengar Rasulullah SAW berdoa setelah selesai solat jenazah yang aku hafal doanya iaitu Baginda berdoa:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ وَعَافِهِ وَاعْفُ عَنْهُ وَأَكْرِمْ نُزُلَهُ وَوَسِّعْ مَدْخَلَهُ وَاعْسِلْهُ بِالْمَاءِ وَالتَّلْجِ وَالْبَرَدِ وَنَقِّهِ مِنَ الْخَطَايَا كَمَا نَقَّيْتَ الثَّوْبَ الْأَبْيَضَ مِنَ الدَّنَسِ وَأَبْدِلْهُ دَارًا خَيْرًا مِنْ دَارِهِ وَأَهْلًا خَيْرًا مِنْ أَهْلِهِ وَزَوْجًا خَيْرًا مِنْ زَوْجِهِ وَأَدْخِلْهُ الْجَنَّةَ وَأَعِذْهُ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ أَوْ مِنْ عَذَابِ النَّارِ.

Erti: Ya Allah ampunilah dosanya, sayangilah dia, maafkanlah dia, sehatkanlah dia, muliakanlah tempat tinggalnya, luaskanlah kuburannya, mandikanlah dia dengan air salji dan embun, bersihkanlah dari segala kesalahan sebagaimana kain putih bersih dari kotoran, gantikanlah untuknya tempat tinggal yang lebih baik dari tempat tinggalnya, keluarga yang lebih baik dari keluarganya, pasangan yang lebih baik dari pasangannya dan peliharalah dia dari seksa kubur dan seksa neraka?"

(Muslim)

Doa ini pula dengan jelas disuruh untuk dibacakan oleh orang yang solat jenazah kepada jenazah. Jikalau pahala doa umum ini tidak boleh sampai, mengapa Baginda SAW sendiri berdoa dan diajarkan pula doa ini kepada sahabat dan umatnya untuk mereka juga berdoa kepada orang yang meninggal dunia.

Selain syariat menyuruh solat ketika jenazah disolatkan, syariat juga menyuruh umat Islam berdoa kepada arwah dikuburkan. Sepotong hadis menjelaskan (Abu Dawud, 2009: 3221)

عَنْ عُثْمَانَ بْنِ عَفَّانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: «كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا فَرَغَ مِنْ دَفْنِ الْمَيِّتِ وَقَفَ عَلَيْهِ فَقَالَ: «اسْتَغْفِرُوا لِأَخِيكُمْ وَسَلُّوا لَهُ بِالتَّثْنِيتِ فَإِنَّهُ الْآنَ يُسْأَلُ.»

Maksud: 'Uthman bin 'Affan RA berkata, "Adalah Nabi SAW apabila selesai menguburkan arwah beliau berdiri lalu bersabda, "Pohonkan ampun untuk saudaramu dan mintalah keteguhan hati untuknya, kerana sekarang dia sedang ditanya?"

(Abu Dawud)

Begitu juga tentang doa ziarah kubur, umat Islam disuruh mendoakan semua roh orang yang meninggal dunia. Perkara ini dijelaskan dalam hadis yang diriwayatkan oleh 'A'ishah RA ketika beliau bertanya kepada Nabi SAW (Muslim, t.th.: 974).

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ: «قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «إِنَّ رَبَّكَ يَأْمُرُكَ أَنْ تَأْتِيَ أَهْلَ الْبَقِيعِ فَتَسْتَغْفِرَ لَهُمْ.» قَالَتْ قُلْتُ: «كَيْفَ أَقُولُ لَهُمْ يَا رَسُولَ اللَّهِ.» قَالَ: «قُولِي: «السَّلَامُ عَلَى أَهْلِ الدِّيَارِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ»

وَالْمُسْلِمِينَ وَيَرْحَمُ اللَّهُ الْمُسْتَفْدِمِينَ مِنَّا وَالْمُسْتَأْخِرِينَ وَإِنَّا إِن  
شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لِلْآحِقُونَ.»

Maksud: 'A'ishah RA katanya, Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya Tuhanmu menyuruhmu apabila datang ke perkuburan al-Baqi' supaya kamu memohon keampunan untuk mereka. Lalu 'Ai'shah RA bertanya, "Bagaimana caranya aku memohon keampunan untuk mereka wahai Rasulullah? Baginda lantas menjawab, "Pohonlah dengan ucapanku ini: السَّلَامُ عَلَى أَهْلِ الدِّيَارِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُسْلِمِينَ وَيَرْحَمُ اللَّهُ الْمُسْتَفْدِمِينَ مِنَّا وَالْمُسْتَأْخِرِينَ وَإِنَّا إِن شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لِلْآحِقُونَ.

Erti: Salam sejahtera semoga dilimpahkan kepada ahli kubur baik mukmin mahupun Muslim dan semoga Allah memberikan rahmat kepada generasi pendahulu dan generasi mendatang dan sesungguhnya 'insya Allah kami pasti menyusul)."

(Muslim)

Kedua-dua hadis ini jelas menerangkan bahawa orang yang meninggal dunia masih boleh menerima doa yang bukan sahaja datang daripada anak sebagaimana yang dikhususkan dalam hadis Nabi SAW bahawa semua amalan anak Adam terputus, bahkan yang datang daripada umat Islam yang lainnya.

Bukan sahaja pahala doa boleh sampai kepada arwah yang meninggal dunia, bahkan pahala ibadat harta dan badan boleh sampai kepada arwah pada bila-bila masa yang disedekahkan sebagaimana yang dijelaskan oleh pelbagai hadis. Antaranya ialah hadis yang menerangkan sampainya pahala sedekah anak kepada ibunya yang meninggal dunia (Al-Bukhari, 2001: 2770):

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رضي الله عنه أَنَّ رَجُلًا قَالَ لِرَسُولِ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم: «إِنَّ أُمَّهُ  
تُوُفِّيَتْ أَيَنْفَعُهَا إِنْ تَصَدَّقْتُ عَنْهَا.» قَالَ: «نَعَمْ.» قَالَ: «فَإِنَّ  
لِي مِخْرَافًا وَأُشْهَدُكَ أَنِّي قَدْ تَصَدَّقْتُ بِهِ عَنْهَا.»

Maksud: *Ibn Abbas RA menceritakan bahwa seorang lelaki datang kepada Nabi SAW untuk bertanya, "Wahai Rasulullah SAW sesungguhnya ibuku meninggal, apakah jika saya bersedekah untuknya bermanfaat baginya?" Rasul SAW menjawab, "Ya!" Kemudian lelaki itu berkata, "Saksikanlah bahwa kebunku yang banyak buahnya aku sedekahkan untuknya?"*

(Al-Bukhari)

Begitu juga tentang sampainya pahala puasa kepada arwah. Terdapat dalil hadis yang menjelaskan tentang perkara ini, yaitu (Al-Bukhari, 2001: 1952; Muslim, t.th.: 1147):

عَنْ عَائِشَةَ رضي الله عنها أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم قَالَ: «مَنْ مَاتَ وَعَلَيْهِ  
صِيَامٌ صَامَ عَنْهُ وَلِيُّهُ.»

Maksud: *'A'ishah RA bahwa Rasulullah SAW bersabda, "Barang siapa yang meninggal dengan mempunyai kewajiban puasa, (puasa) maka hendaklah keluarganya berpuasa untuknya?"*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Selain pahala puasa, pahala haji juga boleh sampai kepada arwah. Sebuah hadis menjelaskan (Al-Bukhari, 2001: 1852):



عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رضي الله عنه أَنَّ امْرَأَةً مِنْ جُهَيْنَةَ جَاءَتْ إِلَى النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم: «فَقَالَتْ: «إِنَّ أُمَّي نَذَرْتُ أَنْ تَحُجَّ فَلَمْ تَحُجَّ حَتَّى مَاتَتْ أَفَأَحُجُّ عَنْهَا.» قَالَ: «نَعَمْ حُجِّي عَنْهَا أَرَأَيْتِ لَوْ كَانَ عَلَى أُمَّكِ دَيْنٌ أَكُنْتَ قَاضِيَةً اقْضُوا لِلَّهِ فَإِنَّهُ أَحَقُّ بِالْوَفَاءِ.»

Maksud: *Ibn Abbas RA menceritakan bahawa seorang wanita dari Juhainah datang kepada Nabi SAW dan bertanya, "Sesungguhnya ibuku nazar untuk menunaikan haji, namun belum terlaksana sampai dia meninggal, apakah perlu saya melakukan haji untuknya? Rasulullah SAW menjawab, "Ya! Bagaimana pendapatmu kalau ibumu mempunyai hutang, apakah kamu membayarnya? Bayarlah hutang Allah, kerana hutang Allah lebih berhak untuk dibayar."*

(Al-Bukhari)

Ketiga-tiga hadis ini membuktikan bahawa pahala ibadat dalam bentuk sedekah harta dan pahala badan seperti puasa, haji dan sebagainya boleh sampai kepada orang yang meninggal dunia.

### Dalil Ijmak

Para ulama sepakat bahawa doa dalam solat jenazah bermanfaat bagi arwah. Selain itu, secara ijmak ulama juga bersetuju bahawa orang yang meninggal dunia akan bebas dosa dan azab akibat hutang arwah yang ditanggung oleh orang lain sekalipun bukan keluarga. Pendapat ini berdasarkan hadis Abu Qatadah apabila ia menjamin untuk membayar hutang seorang arwah sebanyak dua dinar. Ketika ia selesai membayarnya, Nabi SAW bersabda (Ahmad, 2001: 14536):

الآن بَرَدَتْ عَلَيْهِ جِلْدُهُ.

Maksud: *Sekarang engkau mendinginkan kulitnya?*

(Ahmad)

Hadis ini menjelaskan bagaimana hubungan antara bayaran hutang Abu Qatadah dengan terangkatnya azab yang dihadapi oleh orang yang meninggal dunia tersebut.

### Dalil Qiyas

Pahala itu adalah hak orang yang beramal. Jika ia menghadihkan kepada saudaranya yang Muslim, maka hal itu tidak ada halangan sebagaimana tidak dilarang menghadihkan harta untuk orang lain pada waktu hidupnya dan membebaskan hutang setelah wafatnya.

Islam memberikan penjelasan sampainya pahala ibadah badaniyyah seperti membaca al-Quran dan lainnya yang dikiasikan dengan dalil sampainya puasa dan haji jika diniatkan kepada si mati. Jikalau kedua-dua ibadat ini boleh sampai kepada si mati dengan niat mensedekahkan pahala, maka adalah wajar amalan lain seperti pembacaan al-Quran, zikir, tahlil dan doa juga boleh sampai kepada arwah yang meninggal dunia.

## GALAKAN PUJIAN DAN DOA KEPADA ALLAH DENGAN NAMA-NYA

Pada asasnya penggunaan nama Allah SWT sebagai bentuk pujian kepadanya merupakan sesuatu yang warid daripada al-Quran dan hadis (surah al-A'raf, 7: 180; surah *al-Hashr*, 59: 22-24; Al-Bukhari, 2001: 2736, 7392; Muslim, t.th.: 2677; Al-Tirmidhi, M. I., 1998: 3507; Ibn Majah, 2009: 3861). Hal ini sebagaimana firman Allah SWT yang memerintahkan:

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا وَذَرُوا الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي  
 أَسْمَائِهِ سَيُجْزَوْنَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٨٠﴾

Maksud: Dan Allah mempunyai nama yang baik (yang mulia), maka serulah (dan berdoalah) kepada-Nya dengan menyebut nama itu, dan pulaukanlah orang yang berpaling dari kebenaran dalam masa menggunakan nama-Nya. Mereka akan mendapat balasan mengenai apa yang mereka kerjakan. (180)

(Surah *al-A'raf*, 7: 180)

Oleh itu, zikir nama Allah SWT yang 99 dan nama Allah SWT yang lain sememangnya boleh digunakan sebagaimana zikir nama Allah SWT yang digunakan dalam TDA yang dicadangkan. Terbukti Allah SWT sendiri menyuruh menggunakan nama-Nya buat memuji dan berdoa kepada-Nya. Penggunaan seruan nama-Nya digalakkan bersesuaian dengan doa yang diminta. Allah SWT berfirman:

قُلْ ادْعُوا اللَّهَ أَوْ ادْعُوا الرَّحْمَنَ أَيًّا مَاتَ دَعْوَاهُ فَلَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ  
 وَلَا تَجْهَرُوا لَهُ فِي دُعَائِهِمْ وَلَا تَحَافَتُوا فِيهَا وَأَبْتَغِينَ ذَلِكَ سَبِيلًا ﴿١١٠﴾

Maksud: Katakanlah (wahai Muhammad), “Serulah nama ‘Allah’ atau nama ‘al-Rahman’, yang mana sahaja kamu serukan (dari kedua-dua nama itu adalah baik belaka); kerana Allah mempunyai banyak nama yang baik serta mulia. Dan janganlah engkau nyaringkan bacaan doa atau solatmu, juga janganlah engkau perlahankannya, dan gunakanlah sahaja satu cara yang sederhana antara itu.” (110)

(Surah *al-Isra’*, 17: 110)

Terbukti dalam amalan TDA ini menggunakan lafaz pujian dengan menggunakan nama Allah SWT yang disekalikan dengan doa memohon rahmat. Hal ini sebagaimana yang terdapat dalam TDA12 dan TDA13. Kedua-dua TDA ini yang merupakan lafaz pujian kepada Allah SWT yang didatangkan daripada al-Quran dan hadis. Lafaz TDA12 sebagai contoh adalah datang daripada doa dalam hadis yang diriwayatkan oleh ‘Abdullah bin Abi Awfa (Al-Tirmidhi, M. I., 1998: 479) dan juga apa yang digambarkan dalam hadis berikut (Al-Tabrani, 1994: 194):

عَنْ وَائِلَةَ بْنِ الْأَسْقَعِ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: «اللَّهُمَّ ارْحَمْنَا، وَاعْفِرْ لَنَا، وَتَهَانَا أَنْ نُصَلِّيَ إِلَى الْقُبُورِ، أَوْ نَجْلِسَ عَلَيْهَا.»

Maksud: *Wathilah bin al-Asqa* berkata, “*Aku mendengar Rasulullah SAW berdoa:*

اللَّهُمَّ ارْحَمْنَا، وَاعْفِرْ لَنَا

*Erti: Ya Allah! Rahmatilah kami dan ampunilah kami.*

*Baginda juga menegah kami untuk bersolat di kubur atau kami duduk di atasnya.”*

(*Al-Tabrani*)

Hadis ini juga menjadi dalil bahawa orang yang masih hidup boleh mendoakan untuk dirinya kerahmatan dan keampunan yang juga ditujukan kepada umat Islam yang sudah meninggal dunia. Oleh kerana itu, baginda juga mendidik para sahabat agar menjaga adab ketika berada di kubur ketika mengajar mereka berdoa tersebut.

Manakala lafaz TDA13 pula menggunakan lafaz doa rahmat dan keberkatan ahli keluarga Rasulullah SAW yang digabungkan dengan pujian kepada Allah melalui nama-Nya yang indah, iaitu ‘*Hamid*’ (حَمِيدٌ), ‘Yang Maha Terpuji’ dan ‘*Majid*’ (مَجِيدٌ), iaitu ‘Yang Maha Pemurah’ dan

pujian kepada Allah SWT yang diajarkan juga daripada hadis (Al-Bukhari, 2001: 831; Muslim, t.th.: 402) dan al-Quran (surah *Hud*, 11: 73).

Selain itu, memuji Allah SWT dalam bentuk lafaz tawakal dan yang diperkukuhkan lagi dengan pujian terhadap kekuasaannya dalam memberikan kekuatan untuk melaksanakan amalan solat adalah antara perkara penting yang dilakukan oleh seseorang hamba yang sudah melaksanakan sesuatu perintahnya (Jasmi, 2019). Oleh itu, TDA19 yang merupakan gabungan lafaz zikir tawakal dan lafaz pujian kepada Allah SWT yang didatangkan daripada al-Quran dan hadis. Lafaz zikir tawakal yang digalakkan oleh Allah untuk para hambanya ini digambarkan dalam firman-Nya:

﴿١٧٣﴾ وَقَالُوا حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

Maksud: *Cukuplah Allah untuk (menolong) kami, dan Ia sebaik-baik pengurus (yang terserah kepada-Nya segala urusan kami). (173)*

(Surah *Ali 'Imran*, 3: 173)

Ayat ini menggambarkan ucapan para sahabat yang tidak dapat menemui kafilah dagang, tetapi terpaksa pula menghadapi tentera yang besar dalam peperangan badar. Kata-kata mereka yang bertawakal kepada Allah SWT dijelaskan dalam al-Quran sebagai satu elemen penting kepada kejayaan mereka dalam peperangan badar seterusnya meningkatkan keimanan mereka terhadap Allah, Rasulullah SAW, dan agama Islam (Jalal al-Din & Jalal al-Din, 2003).

Penggunaan lafaz ini dalam konteks orang yang beramal untuk diri dan memberi sedekah kepada arwah yang sudah meninggal adalah sangat tepat dan baik. Seseorang hamba dituntut untuk bertawakal kepada Allah SWT terhadap amalan yang sudah dilakukan. Sebagaimana Allah SWT memberi kejayaan kepada Rasulullah SAW dan para sahabat

dengan lafaz tersebut, amalan dan doa seseorang yang menyerahkan urusan penerimaan kepada-Nya juga akan terkabul.

Manakala lafaz tawakal yang digabungkan dengan lafaz berikut:

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

Maksud: *Tiada Daya dan kekuatan selain dengan pertolongan Allah Yang Maha Tinggi lagi Maha Agung.*

Lafaz ini bersumberkan daripada hadis (Al-Tirmidhi, M. I., 1998: 357; Abu Dawud, 2009: 832; Ibn Majah, 2009: 3878) yang merupakan satu bentuk pujian kepada Allah SWT dan rasa rendah diri hamba kepada-Nya bahawa mereka tidak mampu untuk melakukan TDA dengan sempurna dan baik melainkan daripada anugerah pemberian kekuatan daripada Allah SWT. Justeru, pujian ini juga adalah sangat baik untuk dilakukan sebaik sahaja seseorang selesai melaksanakan amalan TDA.

## GALAKAN MEMBACA SURAH DAN POTONGAN AYAT AL-QURAN

Pembacaan surah dan potongan ayat al-Quran sebagaimana dalam TDA3-TDA11, TDA14, dan TDA 15 merupakan pembacaan yang amat baik untuk diamalkan oleh orang yang membacanya ketika membaca TDA. Sebagai contoh TDA3 dan TDA7, surah *al-Fatihah* (1: 1-7) serta TDA11, surah al-Baqarah (2: 284-286) adalah sangat baik dibaca kerana banyak kelebihan dalamnya (Jasmi, 2018a, 2018b, 2019) sebagaimana yang dijelaskan dalam hadis berikut (Muslim, t.th.: 806):

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: «بَيْنَمَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعِنْدَهُ جِبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ إِذْ سَمِعَ تَقِيضًا فَوْقَهُ، فَرَفَعَ جِبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ بَصْرَهُ إِلَى السَّمَاءِ،

فَقَالَ: «هَذَا بَابٌ قَدْ فُتِحَ مِنَ السَّمَاءِ مَا فُتِحَ قَطُّ.» قَالَ: فَنَزَلَ مِنْهُ مَلَكٌ فَأَتَى النَّبِيَّ ﷺ فَقَالَ: «أَبَشِّرْ بِنُورَيْنِ أُوتِيْتَهُمَا لَمْ يُؤْتَهُمَا نَبِيٌّ قَبْلَكَ: «فَاتِحَةَ الْكِتَابِ وَخَوَاتِيمَ سُورَةِ الْبَقَرَةِ لَمْ تَقْرَأْ حَرْفًا مِنْهُمَا إِلَّا أُعْطِيْتَهُ.»

Maksud: *Ibn 'Abbas RA* berkata, “Satu ketika Rasulullah SAW bersama Jibril AS, tiba-tiba terdengar suara gemuruh di atas-Nya. Lalu Jibril AS melihat ke langit dan berkata, “Pintu ini dibuka di langit yang sebelum ini belum pernah dibuka. *Ibn 'Abbas* berkata, “Lalu turunlah seorang malaikat menghadap Nabi SAW dan berkata, “Bergembiralah dengan dua cahaya yang diberikan kedua-duanya yang belum pernah diberikan kepada seorang nabi pun sebelum ini, iaitu (surah) Fatimah untuk Kitab (al-Quran) dan penutup bagi surah al-Baqarah. Tidak seorangpun daripada kamu yang membacanya satu huruf daripadanya kedua-duanya melainkan diperkenankan permintaannya.”

(Muslim)

Al-Mulla Ali al-Qari (2002: 4/1464) menjelaskan maksud hadis bahawa tidak seorangpun daripada kamu yang membacanya satu huruf daripada kedua-duanya melainkan diperkenankan permintaannya”, iaitu Allah SWT akan menunaikan hajat hambanya khususnya apa yang terdapat dalam surah *al-Fatihah* itu sendiri daripada hajat untuk mendapatkan hidayah dan daripada akhir surah *al-Baqarah* untuk mendapatkan keampunan.

Begitu juga dengan potongan ayat al-Quran TDA9, surah *al-Baqarah* (2: 163) dan TDA10, surah *al-Baqarah* (2: 255) adalah merupakan salah satu potongan ayat yang termasuk dalam ayat dipanggil *Ism Allah al-A'zam* (اسم الله الأعظم). Hal ini sebagaimana penjelasan hadis berikut (Al-Tirmidhi, M., 1998: 3478; Abu Dawud, 2009: 3855; Ibn Majah, 2009: 1496):

عَنْ أَسْمَاءِ بِنْتِ يَزِيدٍ، أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: «اسْمُ اللَّهِ الْأَعْظَمُ فِي هَاتَيْنِ الْآيَتَيْنِ ﴿وَاللَّهُمَّ إِلَهًا وَاحِدًا لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ﴾ وَفَاتِحَةِ آلِ عِمْرَانَ ﴿الْمَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ﴾».

Maksud: *Asma' bint Yazid* menceritakan bahwa Nabi SAW bersabda, "Ism Allah al-A'zam pada dua ayat berikut, yaitu al-Baqarah (2: 163) dan ayat pembuka Ali 'Imran (3: 1-2).

(*Al-Tirmidhi, Abu Dawud, dan Ibn Majah*)

Hadis ini menjelaskan bahwa TDA9 merupakan salah satu *Ism Allah al-A'zam*. Selain, TDA9, TDA10 juga merupakan *Ism Allah al-A'zam* yang lain sebagaimana hujah daripada hadis berikut (Muslim, t.th.: 810):

عَنْ أَبِي بِنِ كَعْبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «يَا أَبَا الْمُنْذِرِ، أَتَدْرِي أَيُّ آيَةٍ مِنْ كِتَابِ اللَّهِ مَعَكَ أَعْظَمُ؟» قَالَ: قُلْتُ: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ. قَالَ: «يَا أَبَا الْمُنْذِرِ أَتَدْرِي أَيُّ آيَةٍ مِنْ كِتَابِ اللَّهِ مَعَكَ أَعْظَمُ؟» قَالَ: قُلْتُ: ﴿اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ﴾ [البقرة، ٢: ٢٥٥]. قَالَ: فَضَرَبَ فِي صَدْرِي، وَقَالَ: «وَاللَّهِ لِيَهْنِكَ الْعِلْمُ أَبَا الْمُنْذِرِ.»

Maksud: *Ubay bin Ka'ab* berkata, "Rasulullah SAW bersabda, "Hai Abu Mundhir! Tahukah kamu, ayat manakah antara ayat al-Quran yang



*ada padamu yang paling utama? Abu Mundhir berkata; saya menjawab, "Allah dan Rasul-Nya yang lebih mengetahui." Baginda SAW bertanya lagi, "Hai Abu Mundhir! Tabukah kamu, ayat manakah antara ayat al-Quran yang ada padamu yang paling utama? Abu Mundhir berkata; Saya menjawab, (اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ). Abu Mundzir berkata; lalu baginda SAW menepuk dadaku seraya bersabda, "Demi Allah, semoga dadamu dipenuhi dengan ilmu, wahai Abu Mundhir."*

(Muslim)

Perkataan a'zam (أَعْظَمُ) merujuk kepada *Ism Allah al-A'zam* berdasarkan kenyataan hadis yang dikeluarkan oleh Imam Ahmad (2001: 1578). Berdasarkan kedua-dua hadis ini, maka tujuan membaca TDA9 dan TDA10, iaitu surah *al-Baqarah* (2: 163) adalah bertujuan untuk menyebut *Ism Allah al-A'zam* yang sangat bermanfaat menjadikan doa seseorang dikabulkan oleh Allah SWT ketika berdoa.

## **GALAKAN BERSELAWAT KEPADA NABI MUHAMMAD SAW**

Perlu difahami bahawa selawat itu sebenarnya adalah doa kesejahteraan yang dikhususkan lafaznya untuk Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga Baginda, dan para sahabatnya. Oleh itu, antara selawat dan doa tidak berbeza maksud, tetapi hanya perbezaan lafaz ketika seseorang berdoa untuk seseorang yang lain.

Berselawat kepada Nabi SAW merupakan amalan yang memberikan pahala kepada pembacanya. Ketinggian selawat kepada Nabi Muhammad SAW terbukti sehingga amalan selawat kepada baginda SAW dilakukan juga oleh Allah SWT dan para malaikat sebagaimana firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ  
ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

Maksud: *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad SAW); wahai orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya. (56)*

(Surah *al-Ahzab*, 33: 56)

Oleh kerana itu, seseorang yang berselawat kepada Nabi SAW, mereka akan mendapat kembali doa keselamatan itu sebanyak 10 kali untuk dirinya dan menghapuskan 10 dosa serta diangkat 10 darjatnya. Hal ini sebagai mana yang dijelaskan dalam hadis berikut (Al-Nasa'i, 1986: 1297):

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «مَنْ صَلَّى عَلَيَّ  
صَلَاةً وَاحِدَةً صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ عَشْرَ صَلَوَاتٍ، وَحُطَّتْ عَنْهُ  
عَشْرُ خَطِيئَاتٍ، وَرُفِعَتْ لَهُ عَشْرُ دَرَجَاتٍ.»

Maksud: *Anas bin Malik RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Sesiapa yang mengucapkan selawat kepadaku satu kali maka Allah akan berselawat baginya sepuluh kali, dan digugurkan sepuluh kesalahan (dosa)nya, serta ditinggikan baginya sepuluh darjat (di syurga kelak)."*

(*Al-Nasa'i*)

Pada kebiasaan, seseorang membaca TDA akan berdoa selepas selesai TDA-nya. Oleh kerana itu, berdoa dengan memuji Allah SWT dan berselawat sebelum berdoa adalah sesuatu amalan yang dituntut

oleh orang yang berdoa. Kenyataan ini sebagaimana pernyataan Fadal bin 'Ubay yang meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda (Abu Dawud, 2009: 1481):

إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ، فَلْيَبْدَأْ بِتَمْجِيدِ رَبِّهِ جَلَّ وَعَزَّ، وَالشَّانِءِ عَلَيْهِ، ثُمَّ يُصَلِّي عَلَى النَّبِيِّ ﷺ، ثُمَّ يَدْعُو بَعْدُ بِمَا شَاءَ.

Maksud: Apa seseorang kamu berdoa, maka hendaklah dia mulakan dengan pengagungan kepada Tuhan-Nya yang Maha Tinggi dan Agung dan pujian kepada-Nya. Kemudian dia berselawat kepada Nabi SAW, barulah dia berdoa selepas dengan doa apa sahaja yang kehendaki.

(Abu Dawud)

Namun selawat yang diutarakan dalam TDA15-TDA18 dan TDA 22 menurut Ibn Hajar (1960: 11/167) diajarkan oleh Imam Shafi'i dan hadis yang lainnya. Salawat ini menggabungkan selawat daripada hadis dengan tambahan pujian padanya sebagaimana pujian kepada Allah SWT ketika dalam solat. Antara selawat tersebut ialah (Al-Bukhari, 2001: 6358):

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ، قَالَ: «قُلْنَا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، هَذَا السَّلَامُ عَلَيْكَ، فَكَيْفَ نُصَلِّي؟» قَالَ: «قُولُوا: «اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ.»

Maksud: Abu sa 'id al-Khudri RA berkata bahawa kami bertanya, "Wahai Rasulullah, ini salam kepadamu, lalu bagaimana pula untuk kami berselawat ke atasmu? Baginda SAW memerintahkan, "Bacalah:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى  
 مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ.

*Erti: Ya Allah berilah selawat kepada Muhammad hamba dan Rasul-Mu, sebagaimana Engkau berselawat kepada keluarga Ibrahim. Dan berkatilah Muhammad dan keluarganya, sebagaimana Engkau memberkati Ibrahim.*

(Al-Bukhari)

Selawat yang diambil daripada hadis ini hanya sebahagian daripadanya, iaitu:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ

*Maksud: Ya Allah berilah selawat (kesejahteraan) kepada Muhammad hamba-Mu dan Rasul-Mu*

Tambahan dalam selawat ini (TDA16, 17, dan 18) mengambil sempena pujian Rasulullah SAW kepada Allah SWT sebagaimana dalam pujian berikut ketika Baginda SAW beriktidal (Muslim, t.th.: 471):

اللَّهُمَّ رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ، مِلْءُ السَّمَاوَاتِ وَمِلْءُ الْأَرْضِ، وَمِلْءُ  
 مَا شِئْتَ مِنْ شَيْءٍ بَعْدُ.

*Maksud: Ya Allah Tuhan kami, bagi-Mu segala kepujian yang memenuhi langit, yang memenuhi bumi, dan yang memenuhi apa yang engkau kehendaki apa sahaja selepas kedua-duanya.*

(Muslim)

Maka menambah pujian kepada Rasulullah SAW dalam doa dan selawat sebagaimana cara dan sifat Rasulullah SAW menambah pujian kepada Allah SWT adalah sesuatu baik dan dibenarkan ketika berdoa dan berselawat.

Pengubahsuaian salawat oleh banyak ulama fiqah dan dan hadis berdasarkan ilmu Balaghah dalam tajuk *al-Iqtibas* ('Abd al-Rahman, 1949), ketika seseorang berdoa atau berselawat, mereka boleh menggunakan doa dan salawat hasil gabungan doa dan salawat daripada sumber al-Quran dan sumber hadis yang diubah suai sebahagiannya atau sebahagian besar dengan perubahan yang bersesuaian mengikut konteks tertentu. Hal ini seperti lafaz mufrad kepada jamak dan sebalik atau menyelitkan doa dan salawat daripada al-Quran dan hadis dalam doanya yang disusun indah dalam bahasa Arab sama ada dalam solat atau luar solat.

Perubahan yang ingin dilakukan dalam doa dan salawat adalah dibenarkan dalam Islam memandangkan keperluan manusia dalam berdoa adalah berbeza antara seseorang manusia dengan seseorang manusia, antara satu majlis dengan sesuatu majlis yang lain, dan antara satu zaman dengan satu zaman yang lain. Oleh itu, doa dan selawat yang dikemukakan dalam TDA16-TDA18 tidak menjadi masalah untuk diamalkan apatah lagi diajarkan sendiri oleh Imam al-Shafie yang merupakan imam mazhab agar seseorang itu benar-benar mendapat rahmat dan kasih sayang Allah SWT kepada pengamalannya sebanyak kasih sayang yang diminta buat Rasulullah SAW, ahli keluarganya, dan para sahabatnya.

## **GALAKAN BERISTIGFAR**

Galakan beristigfar untuk orang sudah meninggal dunia sudah dihujahkan dalam perbincangan ayat yang lalu (surah *al-Hashr*, 59: 10). Oleh itu, pengamal TDA yang beristighfar untuk dirinya dan untuk ibu bapanya serta umat Islam yang lain yang sudah meninggal dunia adalah sangat digalakkan. Hal ini sebagaimana juga doa keampunan untuk si mati dalam solat jenazah dan ketika di kubaran yang disyariatkan.

## KELEBIHAN TAHLIL

Selain istighfar, bertahlil, iaitu menzikirkan kalimah *lailahillallah* juga sangat digalakan untuk dibaca untuk diri dan untuk dihadaikan kepada para arwah.

Ucapan tahlil sebanyak 100 kali sangat signifikan untuk dijadikan sebagai amalan yang dihadaikan kepada arwah yang sudah meninggal dunia. Hal ini demikian kerana ucapan tahlil ini adalah sebaik-baik zikir sepertimana yang ditegaskan dalam sabdaan Rasulullah SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh Jabir RA (Ibn Majah, 2009: 3800):

أَفْضَلُ الذِّكْرِ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَفْضَلُ الدُّعَاءِ الْحَمْدُ لِلَّهِ.

Maksud: *Sebaik-baik zikir ialah, "Lailahillallah." Manakala sebaik-baik doa ialah, "al-Hamdulillah."*

(Ibn Majah)

Besar dan beratnya pahala ucapan tahlil untuk disedekahkan kepada arwah yang meninggal dunia adalah sangat signifikan memandakang kenyataan hadis berikut (Abu Yu'la, 1984: 1393):

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «قَالَ مُوسَى: «يَا رَبِّ، عَلَّمَنِي شَيْئًا أَذْكُرُكَ وَأَدْعُوكَ بِهِ.» قَالَ: «قُلْ يَا مُوسَى: «لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ.» قَالَ: «كُلُّ عِبَادِكَ يَقُولُ هَذَا.» قَالَ: «قُلْ: «لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ.» قَالَ: «لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، إِنَّمَا أُرِيدُ شَيْئًا تَخْصِنِي بِهِ.» قَالَ: «يَا مُوسَى، لَوْ أَنَّ السَّمَاوَاتِ السَّبْعَ وَعَامِرَهُنَّ غَيْرِي وَالْأَرْضِينَ السَّبْعَ فِي كِفَّةٍ، وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ فِي كِفَّةٍ مَالَتْ بِهِنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ.»

Maksud: Abu Sa'id RA menceritakan bahwa Rasulullah SAW bersabda, "Nabi Musa berkata, "Wahai Tuhan! Ajarkanku sesuatu yang aku mengingati-Mu dan berdoa kepada-Mu dengannya. Allah berfirman, "Katakanlah, "Lailahaillallah." Nabi Musa AS berkata, "Lailahaillallah." semua hamba-Mu mengucapkan ini. Allah SWT berfirman, "Katakanlah "Lailahaillallah." Nabi Musa AS berkata, "Lailahaillallah." Sesungguhnya aku inginkan sesuatu yang khusus untukku dengan amalan itu. Allah SWT berfirman, "Wahai Musa! Kalaupun semua langit yang tujuh dan pemakmurnya selain aku dan bumi yang tujuh lapis diletakkan dalam satu dacing dan "Lailahaillallah." dalam dacing satu lagi, maka berat di dacing "Lailahaillallah."

(Abu Yu'la)

Berdasarkan dalil yang dibentangkan semua ini jelas bahwa menjadikan zikir *lailahaillallah* merupakan satu amalan yang terbaik untuk dijadikan sumber pahala yang disedekahkan kepada arwah yang sudah meninggal dunia.

## KELEBIHAN TASBIH

Kalimah zikir TDA22 merupakan kalimah zikir yang terakhir ialah kalimah tasbih, iaitu *Subanallaha bihamdihi dan subhanallah al-'Azim*. Keampunan yang dipohon untuk arwah yang sudah meninggal dunia boleh dikirim dengan amalan tasbih ini sebagai maksud hadis ini (Al-Bukhari, 2001: 6405; Muslim, t.th.: 597):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «مَنْ قَالَ: سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ، فِي يَوْمٍ مِائَةَ مَرَّةٍ، حُطَّتْ خَطَايَاهُ، وَإِنْ كَانَتْ مِثْلَ زَبَدِ الْبَحْرِ.»

Maksud: *Abu Hurayrah RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda, “Sesiapa yang mengucapkan, “Subanallaha bihamdih pada satu hari 100 kali, akan dipadamkan dosa-dosanya, sekalipun banyak seperti buih di lautan.*

(*Al-Bukhari dan Muslim*)

Kalimah *Subanallaha bihamdih dan subhanallah al-‘Azim* juga merupakan kalimah zikir yang mudah disebut, namun sangat berat ganjaran di dacing timbangan. Bahkan kalimah sangat digemari oleh Allah SWT jika diucapkan oleh para hambanya. Perkara ini terbukti sebagaimana penegasan hadis berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: «قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «كَلِمَتَانِ خَفِيفَتَانِ عَلَى اللِّسَانِ، ثَقِيلَتَانِ فِي الْمِيزَانِ، حَبِيبَتَانِ إِلَى الرَّحْمَنِ: «سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ، سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ.»

Maksud: *Abu Hurayrah RA berkata, “Rasulullah SAW bersabda, “Dua kalimah yang ringan di lidah, berat dalam timbangan, sangat dicintai oleh al-Rahman, iaitu Subanallaha bihamdih dan subhanallah al-‘Azim.*

(*Al-Bukhari dan Muslim*)

Oleh itu, wajar zikir TDA22 ini dijadikan amalan yang diamalkan untuk disedekah kepada arwah yang sudah meninggal dunia. Hal ini kerana kalimah ini sangat besar pahalanya lagi pula dicintai oleh Allah SWT kepada menyebutnya.

## RUMUSAN

Amalan tahlil dan doa arwah ini sudah sehati dalam kalangan masyarakat Islam. Sebagai pendakwah jika ingin mengikutinya dengan maksud



untuk membawa dakwah dan bercita-cita merubah sisa-sisa jahiliyah menjadi Islam, maka hal itu adalah tugas mulia bagi setiap Muslim. Oleh itu, caranya mungkin dengan kaedah merubah hari-hari yang ditentukan oleh Animisme, Hindu dan Buddha yang membuat kenduri pada hari yang ditetapkan menjadi hari lainnya mengikut perancangan dan kesempatan masing-masing. Pokoknya jangan ditentukan hari tertentu seakan-akan ketentuan agama.

Tentang hidangan kenduri pula, ahli kariah seelok-eloknya boleh mengambil pengajaran daripada hadis yang menyuruh para tetangga mengendalikan jamuan kepada masyarakat. Kemungkinan sesebuah kampung yang terdapat jawatankuasa khairat kematian boleh menjalankan dua fungsi. Fungsi pertama untuk pentajhizan arwah si mati sehingga selesai. Dana ini diambil daripada yuran keahlian khairat. Fungsi kedua pula ialah mengumpul dana sedekah atau derma kilat yang bukan datang daripada keluarga yang berlaku kematian. Dana ini boleh digunakan oleh jawatankuasa tersebut untuk merancang majlis tahlil dan doa arwah kepada keluarga yang ditimpa musibah kematian.

Dengan kaedah ini banyak faedah boleh diperoleh. Antara faedahnya ialah dapat mengamalkan hadis yang menyuruh para tetangga membuat makanan dan dihantar ke rumah orang yang ditimpa musibah. Faedah kedua, boleh mengamalkan amalan bersedekah kepada si mati yang sudah jelas boleh sampai pahala kepadanya. Faedah yang lain pula ialah dapat memupuk semangat bantu-membantu kepada setiap keluarga yang ditimpa musibah.

Sekurang-kurangnya keluarga yang ditimpa musibah ini tidak perlu lagi memikirkan soal menyediakan kewangan dan sibuk menyediakan makanan untuk menjamu para tetamu bagi mengadakan majlis tahlil dan doa arwah. Dengan kesempatan masa yang banyak ini, ahli keluarga yang masih hidup ini boleh memperbanyakkan lagi amalan bagi disedekahkan pahalanya kepada arwah yang baru sahaja meninggal dunia yang sudah pasti pahalanya boleh sampai kepada si arwah.

## RUJUKAN

- ‘Abd al-Rahman, Muhammad. (1949). *Al-Idah fi ‘Ulum al-Balaghah (Tabqiq: Muhammad ‘Abd al-Man‘am Hafaji)* (Vol. 1-3). Beirut: Dar al-Jayl.
- Abu Dawud, Sulaiman. (2009). *Sunan Abi Dawud* (Shu‘aib al-Arnut & Muhammad Kamil Qurrah Balali Ed. Vol. 1-7). Beirut: Dar al-Risalah al-‘Alamiyyah.
- Abu Yu‘la, Ahmad. (1984). *Musnad Abi Yu‘la* (Husain Salim Asad Ed. Vol. 1-13). Damsyiq: Dar al-Ma‘mun li al-Turath.
- Ahmad, Muhammad Hambal. (2001). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal* (Shu‘ay al-Arna‘ut & ‘Adil Murshid Ed.). Al-Qahirah: Mu‘assah al-Risalah.
- Al-Bukhari, Muhammad. (2001). *Al-Jami‘ al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari* (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Mulla Ali al-Qari, ‘Ali. (2002). *Mirqat al-Mafatih Sharh Miskat al-Masabih* (Vol. 1-9). Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nasa’i, Ahmad. (1986). *Al-Mujtabi min al-Sunan* (‘Abd al-Fattah Abu Gadat Ed. Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. (1994). *Al-Mu‘jam al-Kabir* (Hamdi ‘Abd al-Majid al-Salafi Ed. Vol. 1-25). Al-Qahirah: Maktabah bin al-Taymiyyah.
- Al-Tirmidhi, Muhammad. (1998). *Al-Jami‘ al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi* (Bashar ‘Awad Ma‘ruf Ed. Vol. 1-6). Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Al-Tirmidhi, Muhammad ‘Isa. (1998). *Al-Jami‘ al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi* (Bashar ‘Awad Ma‘ruf Ed. Vol. 1-6). Beirut: Dar al-Girb al-Islami.

- Basmeih, Abdullah. (1999). *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn Hajar, Ahmad Muhammad. (1960). *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari* (Ahmad bin 'Ali bin Hajar Abu al-Fadl Al-'Asqalani Al-Shafi'i Ed.). Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. (2009). *Sunan Ibn Majah* (Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah Ed. Vol. 1-5). Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Jalal al-Din, al-Mahalli, & Jalal al-Din, al-Suyuti. (2003). *Tafsir Jalalayn al-Muyassar*. Beirut: Maktabah Lubnan al-Nasirun.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018a). *Hidayah sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Al-Fatihah (1: 1-7)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 1: Program Budaya al-Quran 19hb. Julai 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018b). *Hidayah Sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Surah al-Fatihah (1: 1-7)* (Vol. 1). Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2019). *Zikir Selepas Solat: Amalan Warid daripada al-Quran dan Sunah*. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.
- Muslim, al-Hajjaj. (t.th.). *Sahih Muslim* (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.

## INDEKS

- 24, 1, 20, 29  
*Abu Dawud*, 33, 37  
*al-A'raf*, 29  
*al-Ahzab*, v, 12, 13, 35  
*al-Baqarah*, iv, v, 7, 8, 9, 10,  
 11, 31, 32, 33, 34  
 Al-Bukhari, 29, 38  
*al-Falaq*, iv, 4, 5  
*al-Fatihah*, iv, 3, 7, 31, 32, 46  
*al-Hashr*, 29  
*Ali 'Imran*, 33  
 al-Ikhlash, iv, 3, 4  
*al-Isra'*, 30  
 Allah SWT, vii, 28, 29, 32,  
 34, 35, 37, 38, 39  
 al-Nas, iv, 5  
*Al-Nasa'i*, 36  
 al-Shafie, 39  
 Al-Tirmidhi, 29, 33  
 Balaghah, 39  
 berdoa, 29, 36, 39  
 berselawat, 35, 36, 37, 39  
 Berselawat, 35  
 BZP15, 37, 39  
 BZP6, 33, 34  
 BZR5, 31  
 BZR6, 33, 34  
 darjat, 36  
 doa, i, iv, v, vii, 1, 19, 20, 21,  
 23, 24, 25, 27, 28, 29, 30,  
 31, 34, 35, 37, 38, 39, 40,  
 43, 44  
 Doa, 28  
 doa keselamatan, 35  
 dosa, 36  
 hadis, vii, 29, 31, 32, 33, 34,  
 36, 37, 38, 39  
 Ibn Majah, 29, 33  
 Islam, iii, vii, viii  
 Ism Allah al-A'zam, 33, 34  
 istighfar, 1, 18, 20, 22, 40  
 malaikat, 32, 35  
 Muslim, 29, 32, 38  
 Nabi Muhammad SAW, 35  
 Nabi SAW, 32, 33, 35, 37  
 pahala, 35  
 potongan ayat al-Quran, 31, 33  
 Potongan Ayat al-Quran, 31  
 Rasulullah SAW, vii, 32, 36,  
 38  
 salawat, 1, 18, 20, 39  
 Sedekah, iv, 1, 2  
 selawat, vii, 35, 36, 37, 38  
 sifat Rasulullah SAW, 38

- solat, vii, 29, 31, 36, 37, 39  
 surah dan ayat al-Quran, 1, 20  
 syurga, 36  
 tahlil, iv, v, vii, 1, 4, 5, 18, 19,  
 20, 21, 28, 40, 43, 44  
 Tahlil, i, iv, v, vi, 1, 2, 17, 40  
 tahlil dan doa arwah (TDA), 1,  
 21  
 takbir, 4, 5  
 tasbih, 1, 18, 20, 41  
 TDA, 1, 21, 30, 31, 36, 37,  
 39  
 TDA1, iv, 2  
 TDA10, iv, 9, 33  
 TDA11, v, 10, 31  
 TDA12, v, 11, 30  
 TDA13, v, 12, 30, 31  
 TDA14, v, 12, 31  
 TDA15, v, 12, 37  
 TDA16, v, 13, 39  
 TDA17, v, 13  
 TDA18, v, 14  
 TDA19, v, 14  
 TDA2, iv, 2  
 TDA20, v, 14  
 TDA21, v, 15  
 TDA22, v, 16, 41, 43  
 TDA23, v, 16  
 TDA24, v, 17  
 TDA3, iv, 3, 31  
 TDA4, iv, 3  
 TDA7, iv, 7, 31  
 TDA8, iv, 7  
 TDA9, iv, 8, 33  
 zikir, 1, 15, 28, 29, 40, 41, 42,  
 43

## BIODATA

**Kamarul Azmi bin Jasmi** menjawat jawatan Professor Madya di Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia dan pernah berkhidmat sebagai guru Pendidikan Islam di SM Sains Miri. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam, Ijazah Sarjana Pengajian Peradaban daripada Universiti Malaya, serta Ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan Islam) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau aktif dengan aktiviti penulisan dalam jurusan Pendidikan Islam seperti buku, sumbangan bab dalam buku, jurnal serta penulisan kertas kerja di persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau menghasilkan beberapa buah buku karya individu dan karya bersama antaranya berjudul Pendidikan Wuduk Mazhab al-Shafii (2007), Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (2007), Pembaharuan dalam Dunia Islam (2007) *Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak* (2011), *Penyeliaan Guru Dalam Pengajaran & Pembelajaran* (2011), *Dasar Akidah Muslim* (2011), *Sekolah Agama di Malaysia: Sejarah, Isu & Cabaran* (2012), *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam* (2016) yang diterbitkan oleh Penerbit UTM serta *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz al-Quran* (2016) dan *Disiplin Puasa dalam Sekolah Ramadan* (2019) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.



# Siri Buku Amalan Harian

## Siri 3

### Tahlil dan Doa Arwah

#### Amalan Warid daripada al-Quran dan Sunah

***Tahlil dan Doa Arwah: Amalan Warid daripada al-Quran dan Sunah. Siri 3. Siri Buku Amalan Harian*** merupakan Siri 3 Buku Amalan Harian yang dikeluarkan oleh Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) untuk tujuan dijadikan amalan harian yang sangat berguna bagi umat Islam. Buku ini menyenaraikan bacaan bacaan Tahlil dan Doa Arwah (TDA) yang boleh diamalkan untuk amalan diri atau amalan yang boleh disedekah pahalanya kepada arwah umat Islam khususnya buat ibu bapa dan keluarga yang sudah meninggal dunia. Bacaan TDA ini merupakan amalan yang terkandung dalamnya bacaan surah dan potongan ayat al-Quran yang khusus, istighfar, zikir, tahlil, tasbih serta salawat yang amat digalakkan kepada setiap individu Muslim bagi mengamalkannya. ketika majlis khusus atau umum. Hal ini disebabkan suruhan dan galakan dengan ganjaran yang sangat besar dinyatakan sendiri oleh junjungan Rasulullah SAW. Terdapat 24 bacaan yang terdiri daripada TDA1-TDA24. Hujah terhadap amalan ini dikemukakan untuk memberikan keyakinan yang mendalam kepada individu agar dapat mengamalkan himpunan TDA ini tanpa ragu-ragu.

Buku ini diharap dapat dimanfaatkan oleh umat Islam sebagai panduan dan bacaan pada majlis khusus atau umum. Selain itu, buku ini juga dapat dijadikan sebagai bahan untuk didikan kepada anak-anak agar mereka juga dapat mengamalkannya amalan ini dalam kehidupan mereka. Pengamalan TDA dalam kalangan umat Islam diharap dapat meningkat dan mengukuhkan rohani mereka di samping mendapat pelbagai keutamaan dan kelebihan yang dijanjikan oleh Rasulullah SAW melalui hadisnya. Semoga umat Islam dapat meraih pahala dan kejayaan di dunia dan akhirat melalui amalan ini.

ISBN 978-967-2296-56-0



9 789672 296560